



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TUKANG PELAN (D.1-2-3 EB.4-5)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. TUKANG PELAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding termasuk mata pelajaran Lukisan / Lukisan Teknikal (*Technical Drawing*) atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2)* dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

2. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang yang berkaitan atau bidang seperti berikut adalah kelebihan:

- i) Mahir dalam penggunaan *AUTOCAD*;
- ii) Mempunyai pengalaman dalam membuat pelan di dalam Perkhidmatan Awam atau Swasta; dan
- iii) Menyediakan lukisan-lukisan yang lengkap mengenai bangunan-bangunan atau kerja-kerja kejuruteraan dari lukisan-lukisan dimensi.

3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI JABATAN TANAH

1. Menyediakan dan menyiapkan lukisan *working drawings* dan *detail drawings*.
2. Menyukat tapak-tapak projek dan bangunan yang sedia ada (*measured drawings*).
3. Mencatat rekod lukisan-lukisan lama dan yang baru.
4. Membuat tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua dari semasa ke semasa.